

Tenggelam



ANGGOTA bomba dan penyelamat membantu pengguna jalan raya yang terperangkap dalam banjir di Pekan Segamat, semalam. ● LAGI BERITA, GAMBAR DI MUKA 2, 3 dan 4

Banjir landa lima negeri ragut 3 nyawa, 54,637 mangsa sudah dipindahkan

KUALA LUMPUR: Banjir yang melanda Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka dan Sabah sejak kelmarin meragut tiga nyawa dengan 54,637 mangsa daripada 12,314 keluarga dipindahkan ke 368 pusat pemindahan sementara.

Dua mangsa yang mati di Johor, ditemui lemas selepas kenderaan yang mereka dinaiki dihanyutkan arus deras, masing-masing di Chaah, Labis dan Kampung Rahmat, dekat Kulaijaya, malam kelmarin.

Dalam kejadian di Labis, Rohani Ismail, 51, mati lemas apabila kereta Perodua Kancil yang dipandu suaminya, Abdul Latif Isnin, 53, dihanyutkan arus deras sehingga ke kawasan kebun sawit sejauh 20 meter sebelum tersangkut pada pokok sawit ketika memperlambatkan kereta di Kilometer 145 Jalan Labis-Johor Bahru kerana mengekori sebuah kenderaan lain.

Kaedah baru ramal banjir lebih awal

JPS guna model rangkum atmosfera, radar

Banjir



Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Bagi mengurangkan risiko kehilangan jiwa, harta benda serta mempercepat gerakan menyelamatkan mangsa ketika banjir, kerajaan akan menggunakan satu model ramalan dan amaran awal berdasar kepada kombinasi model atmosfera serta radar yang berfungsi mengesan hujan lebih awal.

Menerusi model itu, taburan hujan dan lokasi dikesan tiga hari lebih awal sebelum hujan, berbanding kaedah sekarang yang hanya mengukur taburan hujan di stesen kaji cuaca selepas hujan, selain pemantauan paras air di sungai utama di negara ini.

Model yang turut diguna pakai di Amerika Syarikat itu bertujuan meramalkan paras air sungai bagi meramalkan kemungkinan risiko banjir di kawasan terbabit dan terus mengaktifkan sistem amaran awal banjir dengan segera.

Difahamkan, untuk fasa permulaan, model itu diba-

ngunakan di kawasan berisiko banjir di Lembangan Sungai Johor, Lembangan Sungai Pahang dan Lembangan Sungai Kelantan.

Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Hanapi Mohamad Noor, berkata model yang dibangunkan JPS sejak Januari tahun lalu itu dijangka siap pada Jun depan.

"Ya mengambil kira tiupan angin, ketumpatan awan dan faktor lain untuk mengukur taburan sebelum hujan dan mengenal pasti kawasan terbabit. Maklumat taburan hujan itu boleh disukat bagi membuat ramalan banjir sekurang-kurangnya dua atau tiga hari lebih awal.

"Maklumat diperoleh itu kemudian disalurkan kepada Sistem Maklumat Banjir JPS yang akan dipanjangkan ke-

“ Model yang dibangunkan JPS sejak Januari tahun lalu itu dijangka siap Jun depan”

Hanapi Mohamad Noor

Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hidrologi JPS

pada agensi terbabit, termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk tindakan susulan," katanya kepada *Berita Harian* semalam.

Hanapi berkata, maklumat daripada ramalan dan amaran awal itu akan disalurkan kepada pihak media untuk dihebahkan kepada umum.

Sementara itu, pakar hidrologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Zaharin Aris, berkata kerajaan tidak boleh bergantung kepada kaedah konvensional mengukur taburan hujan dan mengesan risiko banjir seperti kaedah 'return period' serta kaedah telemetri dengan memantau paras air sungai.

Katanya, kaedah 'return period' yang meramalkan kemungkinan banjir berdasar sejarah taburan hujan tidak semestinya tepat bagi kawasan tertentu berikutan perubahan iklim dunia dan faktor pembangunan dan guna tanah di kawasan terbabit.

Selain itu, beliau berkata, perkongsian maklumat antara agensi berkaitan perlu dipertingkatkan untuk meningkatkan keberkesanan sistem ramalan dan amaran awal banjir di negara ini dan perlu menjadi fokus kerajaan pada masa depan.



MUHYIDDIN bersama Norainee (kanan) bertanyakan khabar ketika melawat mangsa banjir sekitar DUN Tenang, di Sekolah Agama Labis, semalam.

Sistem amaran bah diperluas

LABIS: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) melaksanakan sistem amaran awal banjir bersepadu merangkumi kawasan tidak pernah mengalami banjir tetapi berpotensi diancam bencana itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan itu perlu kerana sesetengah kawasan sebelum ini tidak pernah dilanda banjir, kini mengalaminya berikutan keadaan cuaca tidak menentu.

"Kita perlu ada sistem amaran awal selepas hujan beberapa hari kerana air

naik cepat supaya penduduk sedar mengenai cara perpindahan yang dapat dilakukan secara tersusun. Kawasan yang sebelum ini tidak pernah dilanda banjir, kini berdepan risiko apabila air mencapai paras tertentu dan penduduk terperangkap.

"Paling penting nyawa rakyat yang menjadi mangsa mesti diselamatkan dulu," katanya selepas melawat mangsa banjir sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, di Sekolah Agama Labis di sini, semalam.

Turut serta, isterinya Puan Sri Norainee Abd Rah-

man dan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdul Latif Ahmad.

Muhyiddin berpuas hati dengan persediaan kebijakan dan keselamatan oleh kerajaan Johor hasil pengalaman banjir besar pada 2006 dan 2007, khususnya agensi bantuan dan penyelamat untuk berfungsi dengan berkesan.

Beliau juga berkata, sejak kelmarin, aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah mula digerakkan bagi membantu operasi menyelamatkan mangsa di sekitar Labis, selain agensi penyelamat lain.

Johor catat jumlah mangsa tertinggi

DARI MUKA 1

Seorang lagi mangsa, Aw Yoke Lim, 53, lemas selepas kenderaan pacuan empat roda yang dinaikinya dihanyutkan air deras dan terhumban ke dalam sungai di Kampung Rahmat, di Kulaijaya.

Di Melaka pula, pengawal keselamatan, Yusri Mohd Yusof, 31, dari Kampung Chinchin menjadi korban pertama banjir di negeri itu. Mangsa ditemui lemas berhampiran pam loji air Sungai

Chinchin kira-kira jam 1.30 tengah hari semalam, dipercayai tergelincir ketika pulang dari tempat kerja dalam hujan lebat.

Sementara itu, Johor mencatat jumlah mangsa banjir tertinggi, iaitu 44,055 penduduk daripada 10,028 keluarga, terutama dari daerah Segamat, Kluang dan Johor Bahru. Selain itu, bandar Segamat dan Mersing terputus hubungan darat apabila semua jalan dinaiki air.

Sabah pula mencatatkan

3,980 mangsa dipindahkan di empat daerah berikutan hujan lebat dengan Kota Marudu mencatat mangsa paling ramai, iaitu 2,175, diikuti Beluran (1,276), Sandakan (364) dan Pitas (75).

Di Melaka beberapa kawasan rendah dilanda banjir mengakibatkan 2,432 penduduk dari sekurang-kurangnya 30 kampung dan taman perumahan di tiga daerah dipindahkan. Kawasan paling teruk terjejas adalah Gadek dan Durian Tunggal.

Seramai 2,232 penduduk membabitkan 496 keluarga di empat daerah di Negeri Sembilan dipindahkan ke 26 pusat pemindahan sementara sejak tiga hari lalu. Kawasan terbabit ialah Tampin, Jempol, Kuala Pilah dan Rembau.

Sementara itu, seramai 538 mangsa dari 133 keluarga di Pahang dipindahkan ke 18 pusat pemindahan sementara selepas daerah Rompin, Raub, Bentong dan Maran dilanda banjir, sejak pagi semalam.

INFO

Pecahan mengikut daerah di Johor

Daerah	Jumlah mangsa	Keluarga	Pusat pemindahan
Mersing	99	31	1
Ledang	3,401	775	22
Kulaijaya	1,513	370	11
Johor Bahru	8,386	2,166	24
Muar	1,877	434	20
Batu Pahat	1,749	369	21
Segamat	14,016	2,758	88
Kluang	11,022	2,659	52
Pontian	355	76	6
Kota Tinggi	1,637	390	16

• Jumlah keseluruhan dipindahkan: **44,055**

• Pusat pemindahan: **261**

• Jumlah keluarga: **10,028**

• Jumlah kematian: **2**

Data sehingga jam 6 petang